

14/08/1998

PM rasmi karnival

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dijangka merasmikan Karnival Bangsar esok bagi mempromosi penjualan tiket sukan Kuala Lumpur 98-Komanwel XVI (KL '98).

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Datuk Shahrizat Abdul Jalil, berkata, karnival itu dianjurkan bersama Pejabat Ahli Parlimen Lembah Pantai, Persatuan Penduduk Bangsar Park, Bukit Bandaraya, Bangsar Baru dan Taman Lucky serta Majlis Perniagaan Bangsar.

"Karnival ini juga bertujuan mempromosikan Bangsar yang lengkap dengan kemudahan pusat hiburan sebagai destinasi utama pelancong sepanjang temasya pelawat KL '98," katanya di pejabat Persatuan Penduduk Bangsar, semalam.

(END)